

Perdana Menteri lawat China empat hari

KUALA LUMPUR: Lawatan empat hari Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ke China akhir bulan ini dijangka membuka lebih banyak peluang ekonomi dengan negara yang mempunyai penduduk teramai di dunia itu.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata lawatan mulai 27 hingga 31 Mei ini amat bermakna kerana me-

nandakan ulang tahun ke-30 hubungan dua hala kedua-dua negara.

"Perdana Menteri Malaysia kedua, Tun Abdul Razak melakukan lawatan bersejarah untuk menemui pemerintah China ketika itu, Mao Zedong.

"Hakikat masih ada kesinambungan dalam hubungan dua hala kedua-dua negara sehingga kini walaupun pemim-

pinnya bertukar ganti menunjukkan kesungguhan kerjasama kedua-dua pihak," katanya selepas istiadat pembukaan penggal pertama Parlimen Ke-11, di sini semalam.

Beliau berkata, antara asas kejayaan hubungan itu ialah penghargaan serta rasa hormat China terhadap pendirian Malaysia yang mengakui dasar *One*

China Policy.

Katanya, yang lebih penting ialah pencapaian serta usaha sama baru daripada lawatan pertama Abdullah ke China selaku Perdana Menteri.

Satu delegasi perniagaan yang agak besar mengikuti lawatan Perdana Menteri yang dijangka merasmikan bangunan Kedutaan Malaysia baru di Beijing.